

**PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT PROGRAM LATIHAN MENGAJAR
BERASASKAN WEB : SATU KAJIAN DI KUITTHO**

ZULHAZRI BIN HARUN

Sar. Muda (Kepujian) Kejuruteraan Geomatik, UTM.

Dip. Ukur Tanah, UTMKL.

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2002

DEDIKASI

*Untuk abah, & mak,
adik-beradik,
buat yang ku "sayang".. Norfaezon Ghazali
buat teman "sejati".. kimiey
terima kasih...
doa kalian.....agar diri ini berjaya*



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah dengan limpah kurniaNya kerana berjaya menyiapkan penulisan Projek Sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Encik Asri Bin Haji Selamat kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan yang bersungguh-sungguh. Segala bimbingan dan nasihat yang diberikan tidak akan disia-siakan. Semoga Allah akan memberkati segala usaha dan kerjasama beliau.

Di samping itu, tidak ketinggalan kepada rakan seperjuangan iaitu Saudara Syamsul Affandi Bin Mustapha kerana telah bersama-sama menjalankan kajian ini. Gandingan kita untuk menjalankan kajian ini akhirnya berjaya juga. Terima kasih saya ucapkan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan serumah yang telah banyak memberikan buah fikiran dan pandangan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan dan sokongan. Terutama kepada sahabat “sejati” yang telah banyak berkorban masa dan tenaga.

Usaha dan kerjasama kalian, penulis ucapkan ribuan terima kasih dan semoga Allah S.W.T. memberkati sumbangan kalian.

Sekian.

Zulhazri Harun
SEPTEMBER, 2002.

ABSTRAK

Program Latihan Mengajar merupakan satu komponen penting dalam pendidikan perguruan bagi melahirkan bakal-bakal pendidik yang terlatih dan berwibawa. Kajian “Pembangunan Sistem Maklumat Program Latihan Mengajar Berasaskan Web : Satu Kajian Di KUiTTHO” adalah bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklum balas pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester 2 terhadap pembangunan informasi bagi Program Latihan Mengajar berasaskan web. Persoalan serta permasalahan yang timbul adalah daripada sistem pengurusan bagi program ini yang tidak efisien dan sistematik. Kajian melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada seramai 30 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional semester 2. Perisian SPSS digunakan dalam pemprosesan dan penganalisan data bagi memperolehi kekerapan peratus dan min (purata skor). Hasil kajian ini, responden memberikan maklum balas yang begitu baik terhadap produk (laman web) yang dibina. Namun begitu, beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan dikemaskini lagi bagi menjamin keberkesanannya.

ABSTRACT

Teaching Practical Programme is one of the most important component in teaching principles to produce highly skilled and competent lecturers. This research is about “Developing A Web Base Information System For Teachers Practical Programme : A Research In KUiTTHO”. The purpose reading of this research is to get feedbacks from second semester students of Master In Education (Technical & Vocational), regarding the development of a web base information system for Teacher’s Practical Program. The problem and confusion faced by students who one doing they Practical Training Program arises from inefficient management of information system. Data gathering for this research was conducted by distributing questionnaires to 30 respondents which are second semester, Master In Education (Technic & Vocational) students. Data analysis was done by using SPSS, in which data frequency, percentage and mean was obtained. The overall result shows a positive response to the development of a web base information system for the Teacher’s Practical Programme. Nevertheless, nothing is perfect, therefore there researchers suggest that there should be a review panel to highlight the weakness of the web to ensure the continuous effectiveness of Teaching Training Program web site.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN PENULIS	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	: PENGENALAN	1 - 8
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	6
	1.8 Definisi Istilah	7
BAB 2	: SOROTAN KAJIAN	9 - 31
	2.1 Pendahuluan	9

2.2	Matlamat dan Kepentingan Latihan Mengajar	11
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komputer	14
2.4	Teknologi Terkini Dunia Pendidikan	14
2.5	Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan	16
2.6	Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan	17
2.6.1	Internet	18
2.6.2	World Wide Web	19
2.6.3	Video Conferencing (Telesidang)	20
2.7	Definisi Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Web	20
2.8	Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Web	20
2.9	Kelebihan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Web	22
2.10	Kelemahan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Web	23
2.11	Komponen Web	24
2.11.1	Pelayar Web	25
2.11.2	Hiperteks	25
2.11.3	Laman Web	26
2.12	Kriteria Pembangunan Laman Web Program Latihan Mengajar	27
2.13	Laman Web Program Latihan Mengajar	30

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

32 – 40

3.1	Pendahuluan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Kajian Rintis	33
3.4	Sumber Data	34
3.3.1	Data Primer	34
3.3.2	Data Skunder	34
3.5	Responden / Sumber Data	34
3.6	Kaedah Dan Justifikasi Pemilihan Sampel	35
3.7	Instrumentasi Dan Justifikasi Pemilihan Instrumen	35

3.7.1 Bahagian Soal Selidik	36
3.8 Proses Mendapatkan data	38
3.9 Kaedah Analisa Data	38
3.8.1 Peratusan	39
3.8.2 Purata Skor	39
3.10 Andaian	40

**BAB 4 : REKABENTUK & PEMBANGUNAN LAMAN
WEB PROGRAM LATIHAN MENGAJAR**

41 – 48

4.1 Pendahuluan	41
4.2 Metodologi & Proses Perisian	42
4.3 Kaedah Pembinaan Produk	42
4.4 Justifikasi Pemilihan Metodologi	43
4.5 Perancangan Pembangunan Web Program Latihan Mengajar	43
4.5.1 Fasa Analisa Web	44
4.5.2 Fasa Merekabentuk Web	44
4.5.3 Fasa Perlaksanaan Web	45
4.6 Perlaksanaan Pembangunan Web Program Latihan Mengajar	45
4.6.1 Rekabentuk Web Program Latihan Mengajar	45
4.7 Analisa & Spesifikasi Peralatan	46
4.7.1 Perisian	46
4.7.2 Perkakasan	47
4.7.3 Windows 98	47
4.8 Penilaian Produk	48

BAB 5 : ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN 49 – 62

5.1	Pendahuluan	49
5.2	Bahagian I : Data Demografi	50
5.3	Bahagian II : Keperluan Penggunaan Laman Web Dalam Program Latihan Mengajar	53
5.3.1	Bahagian II (A) : Pengurusan Latihan Mengajar Di KUiTTHO	54
5.3.2	Bahagian II (B) : Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar	56
5.3.3	Bahagian II (C) : Maklum Balas Terhadap Web Yang di Bina	59
5.4	Bahagian III : Komen & Pandangan	62

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN 63 - 69

6.1	Pendahuluan	63
6.2	Pengurusan Program Latihan Mengajar di KUiTTHO	63
6.3	Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar	65
6.4	Sistem Maklumat Berasaskan Web Bagi Program Latihan Mengajar	66
6.5	Kesimpulan Keseluruhan kajian	67
6.6	Cadangan	68

RUJUKAN 69

LAMPIRAN

Lampiran A 72

Lampiran B 77

Lampiran C 78

Lampiran D 83

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Soalan Kajian	36
3.2	Skala Likert	37
3.5	Analisa Skala Likert	40
5.1	Maklum Balas Responden Terhadap Pengurusan Latihan Mengajar di KUiTTHO	54
5.2	Purata Skor Responden Terhadap Pengurusan Latihan Mengajar di KUiTTHO	55
5.3	Maklum Balas Responden Terhadap Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar	57
5.4	Purata Skor Responden Terhadap Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar	58
5.5	Maklum Balas Terhadap Web Yang di Bina	60
5.6	Purata Skor Terhadap Web Yang di Bina	61

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Contoh “Tag” Yang Digunakan	26
5.1	Peratus Jumlah Respon Berdasarkan Jantina	50
5.2	Peratus Responden Berdasarkan Kumpulan Umur	51
5.3	Peratus Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	52
5.4	Peratus Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	52
5.5	Peratus Responden Berdasarkan Kursus Ijazah Pertama	53



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Kajian Rintis & Borang Soal Selidik	72
B	Cartalir Rekabentuk Web	77
C	Web Program Latihan Mengajar	78
D	Data Output “SPSS”	83



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Era teknologi maklumat dan multimedia kini telah menjadikan dunia sebagai sebuah perkampungan global yang tidak bersempadan. Dunia pendidikan khususnya program latihan mengajar tidak terkecuali menerima pelbagai perubahan secara tidak langsung. Segala sumber pengajaran dan pembelajaran akan mula disalurkan menerusi talian berasaskan web dan internet, lantas memerlukan era pembangunan secara elektronik dan pembangunan elektronik. Antara kemudahan yang popular kini ialah pencarian maklumat berasaskan halaman web, perbincangan dalam kumpulan (Newsgroup), E-mail, Chatting (MIRC), Sistem Tele Sidang (Audio, Video, Teks) dan sebagainya.

Menurut Baharudin et. Al (2000) menyatakan setiap satunya mempunyai keistimewaan tersendiri dan sekiranya digunakan dengan sebaik mungkin serta di sulami kreativiti, satu proses pendidikan yang menarik, berkesan serta menghiburkan dapat di hasilkan. Penggunaan halaman web dalam pendidikan memberikan peluang kepada pendidik untuk menyampaikan dan menerbitkan bahan pengajaran secara terus serta memberikan maklumat tanpa sempadan kepada pendidik dan pelajar.

Latihan mengajar merupakan satu komponen penting dalam program pendidikan guru di kebanyakan institusi latihan perguruan di Malaysia juga dilakukan di luar negara. Menurut Zulkifli Abdul Manaf (1994), latihan mengajar membawa erti satu waktu peralihan di mana seorang penuntut ilmu pendidikan di institusi latihan perguruan yang berkaitan akan keluar kampus untuk membiasakan dirinya mengajar di kelas tertentu dengan bantuan serta bimbingan dari seorang penyelia dari maktab atau universiti. Menurut Mohd Ibrahim dan Zakaria (1994) pula, latihan mengajar penting kerana perlaksanaannya selaras dengan amalan dalam pendidikan professional yang memberi penekanan terhadap latihan atau pengalaman praktik dalam situasi pekerjaan sebenar.

Keberkesanan program latihan mengajar ini dilihat juga dari sudut tujuan dan matlamatnya. Menurut Baharudin et. Al (2000), latihan mengajar adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada bakal-bakal guru untuk mengamalkan teori-teori yang telah mereka pelajari semasa mengikuti kuliah perguruan di maktab atau di universiti.

Di atas maksud inilah, penulis ingin melakukan penyelidikan di dalam pembangunan sistem maklumat program latihan mengajar melalui teknologi maklumat dan multimedia untuk diaplikasi kepada pelatih, pelajar dan penyarah pembimbing serta lain-lain lagi di KUiTTTHO.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penggunaan halaman web dalam pendidikan memberi peluang kepada pendidik untuk menyampaikan, menerbitkan bahan serta merekabentuk satu sistem carian maklumat yang berkesan secara talian terus. Selain itu, penggunaan web dalam pendidikan dapat memberikan maklumat tanpa sempadan kepada pelajar dan pendidik.

Menurut Baharudin et. Al (2000), sesi pembelajaran yang disampaikan secara talian terus (on-line) menghasilkan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan guru, mengawal maklumat yang diproses oleh guru, memberi dan menerima maklumbalas tentang pengetahuan yang disampaikan.

Oleh kerana perkembangan dunia teknologi kini, lebih-lebih lagi dalam era perkomputeran ini, tidak ada satu kajian pun yang melakukan ataupun meninjau keberkesanan penggunaan sistem carian maklumat berasaskan web di dalam program latihan mengajar. Menurut Sharpe (1970) mendapati seorang pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan takut dan tidak selamat. Bagi seseorang pelajar kursus perguruan, latihan mengajar adalah satu transisi dari seorang pelajar kepada menjadi seorang guru terlatih. Dalam tempoh inilah pelajar akan mengalami “kejutan realiti” (Veenman, 1984). Pengalaman ini juga akan mempengaruhi sikapnya terhadap pengajarannya (Hussein Mahmood, 1992).

Semasa pelatih menjalani program latihan mengajar, pelatih akan di seliakan oleh seorang guru serta seorang pensyarah pembimbing di institusinya. Dalam dunia serba maju ini, mungkin faktor masa perlu diambil kira. Pelatih akan mempunyai lebih banyak masa jika adanya satu saluran perhubungan yang cepat dan mudah.

Sesuai dengan visi KUiTTHO untuk menjadi pusat pendidikan bertaraf dunia dalam pendidikan teknologi dan profesional, latihan mengajar merupakan satu syarat yang mesti dipatuhi oleh pelatih yang mengikuti kursus perguruan di KUiTTHO bagi membolehkan pelatih mengamalkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari dalam suasana pengajaran sebenar. Latihan mengajar ini dilaksanakan berlandaskan objektif berikut :

- a) Memperkembangkan sikap dan sahsiah yang positif, membentuk daya kefahaman diri serta menghayati nilai murni profesyen perguruan.
- b) Memberi latihan praktik kepada bakal guru.
- c) Memberi pengenalan profesyen perguruan kepada bakal-bakal guru serta tanggungjawab.
- d) Menilai kebolehan pelatih sebagai guru seperti mana yang dikehendaki oleh etika profesyen perguruan.

Bagi memastikan objektif tersebut tercapai, pelatih akan diletakkan di bawah penyeliaan seorang penyelia daripada KUiTTHO sendiri dan seorang lagi daripada institusi tempat latihan mengajar. Di sini mungkin timbul masalah bagi mendapatkan pelbagai maklumat kepada pelatih baru seperti maklumat berkenaan tempat latihan mengajar, penyeliaan, penilaian, masa, lokasi tempat mengajar dan perhubungan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana keberkesanan penggunaan IT di dalam program latihan mengajar.

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat dua aspek utama dalam penyeliaan iaitu bimbingan dan penilaian. Bimbingan yang diberikan oleh pensyarah penyelia sebenarnya banyak membantu pelatih untuk memperbaiki mutu pengajarannya. Oleh itu, pelatih latihan mengajar perlu menggunakan peluang ini untuk bertanya dan berbincang mengenai sesuatu masalah yang berhubung dengan proses pengajaran dan pembelajaran bersama penyelia yang ditugaskan menyelia (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2000). Persoalannya ialah bagaimana pensyarah pembimbing daripada KUiTTHO sendiri dapat berhubung sesama penyelia dan pelatih. Ini adalah disebabkan faktor latihan tempat mengajar yang amat jauh dan tidak mungkin pensyarah pembimbing dapat pergi ke tempat pelatih menjalankan latihan mengajar selalu. Segala maklumat yang diperlukan oleh pelatih dan pembimbing akan diketahui lewat. Jika pensyarah pembimbing datang menemui pelatih, faktor tempoh masa yang begitu singkat akan membolehkan pelatih tidak mendapat bimbingan yang sepatutnya.

Pelatih di dalam program latihan mengajar, sering tertanya-tanya berkenaan tempat latihan mengajar yang tidak pernah dikunjunginya. Selain itu, pelatih juga ingin mengetahui cara penyeliaan dan penilaian dijalankan. Ini meliputi kaedah dan spesifikasi serta ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pelatih yang ingin menjalani latihan mengajar.

Satu persoalan yang timbul di sini ialah sejauhmana hubungan pelatih dengan pembimbing dan penyelia dapat ditingkatkan lagi atau sentiasa ada perhubungan dua hala bagi meningkatkan prestasi pelatih dalam latihan mengajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba mengeluarkan satu produk yang berbentuk satu sistem maklumat berasaskan IT ataupun Web agar dapat membantu program latihan mengajar berjalan dengan baik. Oleh itu, perjalanan program tersebut adalah diharapkan dapat ditingkatkan lagi kualitasnya.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang akan dikemukakan adalah seperti berikut :

- a) Adakah pengurusan Program Latihan Mengajar KUiTTHO sistematik dan efisien.
- b) Apakah bentuk maklumat yang paling sesuai untuk memastikan kejayaan program Latihan Mengajar.
- c) Sejauhmana perkembangan Sistem Maklumat berasaskan Teknologi Maklumat (IT) dapat membantu pengurusan Program Latihan Mengajar.

1.5 Objektif Kajian

- Objektif utama kajian ini ialah untuk menghasilkan satu sistem maklumat program latihan mengajar yang berasaskan Web bagi kegunaan pelajar-pelajar kursus Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO.

- Membantu pelatih mendapatkan pelbagai maklumat sebelum ataupun sedang menjalani latihan mengajar.
- Membantu ahli jawatan kuasa meningkatkan lagi pengurusan Program Latihan Mengajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah :

- 1.6.1 Memberikan maklumat berguna kepada pihak Jawatankuasa Latihan Mengajar KUiTTHO untuk merancang latihan mengajar yang lebih baik dan berkesan dari semasa ke semasa.
- 1.6.2 Sistem maklumat latihan mengajar yang akan dibina adalah diharapkan dapat membantu para penyelidik mahupun individu yang berminat untuk mengetahui maklumat berkenaan latihan mengajar di KUiTTHO.
- 1.6.3 Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu sumbangan kepada KUiTTHO ke arah sebuah Universiti terbilang di dalam bidang pendidikan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pengumpulan maklumat program latihan mengajar di KUiTTHO berasaskan teknologi maklumat (IT) iaitu dengan menggunakan laman web bagi kegunaan program Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Maklumat yang dikumpul akan diklasifikasikan mengikut kepentingannya supaya dapat digunakan oleh pelajar dan pensyarah. Maklumat yang telah dikumpul akan dimasukkan di satu pangkalan data dan pemaparannya akan

dilakukan menggunakan perisian "*Microsoft Front Page*". Kajian adalah bersesuaian untuk mengkaji dan mempertingkatkan lagi pengurusan Program Latihan Mengajar agar dapat memberikan maklumat kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional dan pensyarah menggunakan kemudahan ini.

1.8 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah bagi menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut :

1.8.1 Sistem Maklumat

Teknologi maklumat merupakan apa jua peralatan yang membolehkan pengguna menyimpan, menghubungkan, memproses, mencipta dan menyampaikan maklumat (Ismail & Aziz, 1997). Dalam konteks kajian, teknologi maklumat adalah teknologi yang membolehkan para pelajar berkomunikasi, berhubung, memproses, mencipta, menyimpan dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan rangkaian komputer.

1.8.2 Teknologi Maklumat

Satu bentuk teknologi mengintegrasikan komputer, telekomunikasi dan mikro elektronik. Fungsinya adalah untuk pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan dan pemilihan komunikasi maklumat sama ada dalam bentuk nombor, data, teks, bunyi dan imej. (<http://www.geocities.com/enchantedforest/dell/7782.html>)

1.8.3 Program Latihan Mengajar

Menurut Zulkifli B. A. Manaf (1994), latihan mengajar merupakan kesempatan bagi guru pelatih untuk menguji teori dan menggunakan ilmu keguruan yang telah dipelajari sekian lama. Latihan ini merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi oleh pelajar yang mengikuti program pendidikan dimaktab-maktab atau institusi perguruan yang lain.

1.8.4 Kursus Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional

Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional adalah pelajar yang mengambil kursus pendidikan Ijazah Kedua di KUiTTHO dalam jangka masa satu se-tengah tahun atau 3 semester. Jenis pengajian yang dilaksanakan dalam Sarjana Pendidikan ini adalah kerja kursus sepenuh masa.

1.8.5 KUiTTHO

Ia merupakan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Ia juga merupakan sebuah Institusi pengajian tinggi awam yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor.



PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB 2



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Latihan mengajar merupakan aspek terpenting dalam latihan perguruan. Bakal-bakal guru yang akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik di sekolah diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk mendedahkan mereka dengan tugas pengajaran dalam bilik kelas dan mendapat pengalaman asas mengenai tugas, tanggungjawab dan peranan sebagai guru di sekolah (Abdul Rahim bin Abd Rashid, 1996).

Memang tidak dinafikan kepentingan latihan mengajar dalam melahirkan guru yang terlatih dan berkaliber untuk memenuhi aspirasi pembangunan negara. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid et. al (2000). Tujuan latihan mengajar boleh dilihat dari segi kepentingan berikut iaitu :

- a) Keperluan Ikhtisas
- b) Kemahiran Praktis
- c) Menguji dan mengaplikasikan di antara teori dengan amalan pendidikan.
- d) Sosialisasi guru pelatih
- e) Mengembangkan ciri-ciri profesionalisme guru
- f) Keperluan penilaian dan bimbingan

Dari sudut keperluan ikhtisas, latihan mengajar merupakan sebahagian daripada keseluruhan program latihan mengajar yang dirangka khusus untuk mendedahkan bakal-bakal guru (pelatih) dengan keperluan dan pengajaran di bilik darjah. Pendidikan guru bukan sahaja merupakan satu perkara yang penuh cabaran malah ia juga merupakan satu perkara yang rumit. Oleh itu seorang haruslah cekap dan dalam menggunakan pelbagai pendekatan contohnya menggunakan teknologi maklumat terkini di dalam menjalani program latihan mengajar.

Peranan pensyarah penyelia sebagai orang yang berpengetahuan dan berpengalaman juga amat penting untuk menjayakan objektif latihan mengajar ini. Penyelia dan pelatih akan saling berinteraksi dalam memberi pandangan dan berbincang untuk mencari jalan bagi mengatasi sesuatu masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi mereka. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat Brunner (1971) yang menyatakan bahawa ;

“One of the most crucial ways in which a culture provides aid in intellectual growth is through a dialogue between the most experienced, providing a means for the internationalization of dialogue in thoughts. The courtesy of coversation may be the major ingredient in the courtesy of teaching.”

Brunner (1971), yang merujuk kepada satu laporan yang tidak diterbitkan telah mendapati lebih daripada 33% dari guru pelatih yang ditinjau merasakan tidak puashati dengan pengalaman latihan mengajar. Ini adalah disebabkan mereka terpaksa berpura-pura melakonkan sesuatu yang bukan mencerminkan keperibadian mereka yang sebenar. Suasana kritikal yang menyelubungi tingkahlaku pengajaran mereka menyebabkan mereka menunjukkan tingkahlaku yang berlainan supaya dapat mempengaruhi pensyarah demi untuk mendapatkan gred yang baik. Ini mungkin disebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang sebenar sebelum menghadapi situasi sebenar.

Penyeliaan secara amnya melibatkan usaha-usaha ke arah pengawasan, dorongan dan bimbingan terhadap seseorang untuk menggalakkan pertumbuhan diri dan meningkatkan prestasi mereka yang terlibat. Menurut Brunner (1971),

RUJUKAN

- Abdul Rahim bin Abd Rashid et. Al (1996). *Panduan Latihan Mengajari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Aris et. al. (2000). *Siri modul pembelajaran teknologi pendidikan*. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Best, J.W. & Kahn, J.V. (1959). *Research in education*. Needham Heights:Allyn and Bacon.
- Biro COMBITS. (1997). *Sistem rangkaian internet*. Biro COMBITS Universiti Sains Malaysia.
- Brunner, J.S (1971). "*The Relevance of Education*". New York : Norton Co.
- Chan Yuen Fook. (2001). Teknologi maklumat pemangkin dalam pembedayaan pendidikan di malaysia. *Pemikir*, 24, 183-200.
- Chua Chooi See (1998). *Internet Explorers 4 For Beginners*. Shah Alam; Federal Publications Sendirian Berhad.
- Chua Chooi See (2000). *Designing Your Own Web Page with Frontpage 2000*. Shah Alam: Federal Publications Sendirian Berhad.
- Fletcher, J.D., Hawley, D.F., & Piele, P.K. (1990). Costs, effects, and utility of microcomputer assisted instruction in the classroom. *American Educational Research Journal*, 27, 783-806.
- Fletcher, J.D. (1991). Effectiveness and cost of interactive videodisc instruction. *Machine Mediated Learning*, 3, 361-385.

Fraenkel, J.R. & Norman, E.W. (1990). *How to Design and Evaluate Research in Education*. United States: McGraw Hill Inc.

Hofsetter, F.T. (1998). *Internet literacy*. New York: McGraw-Hill.

Interactive Educational Systems Designs. (1993). *Report on the effectiveness of technology in schools 1990-1992*. Software Publishers Association.

Ismail Kailani dan Aziz Nordin. (1997). "Hala Tuju Program pendidikan Guru dalam menghadapi Zaman Maklumat". Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Krejeie, R. V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample size for research: educational and psychological measurement*. New York: McGraw-Hill.

Malaysia kita: Panduan dan rujukan untuk peperiksaan am kerajaan. (2000). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mokhtar Daud. (2000). *Teknologi maklumat*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Noorman Farid Mohammad Noor. (2001). *Amalan penggunaan internet dikalangan pelajar Sarjana Muda Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: thesis sarjana.

Norafida Ithnin & Othman Ibrahim. (2000). F-pembelajaran secara langsung (live e-learning) dalam pembelajaran maya: *Prosiding Konvensyen Pendidikan UTM 2000*, 33-45.

- Norwani Harun. (2001). *Cabaran penggunaan teknologi maklumat dikalangan pensyarah: satu kajian kes di KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: thesis sarjana.
- Orlansky, J., & String, J. (1979). *Cost-effectiveness of computer based instruction in military training* (IDA Paper P-1375). Institute for Defense Analyses, Alexandria, Virginia.
- Rozinah Jamaludin. (2000). *Asas-asas multimedia dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shaharom TM Sulaiman. (2001). Ruang publik dan demokrasi siber. *Pemikir*, 24, 163-181.
- Suhairi Yunus. (2001). *Tahap penggunaan komputer dikalangan pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Semester 1,2, dan 3 di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO): ke arah bakal pendidik yang "computer literate"*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: thesis sarjana.

